

Headline	Pencapaian sektor respons HIV negara semakin menggalakkan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	22 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 402
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,206



Pencapaian sektor respons HIV negara semakin menggalakkan

KUALA LUMPUR: Pencapaian sektor respons HIV negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini berada di tahap yang amat menggalakkan, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM) Datuk Dr Raj Karim.

Beliau berkata pencapaian itu berdasarkan statistik jangkitan HIV baharu setiap tahun dalam tempoh lima tahun lepas, yang menurun sebanyak 46 peratus.

“Amat ketara sekali adalah penurunan kes jangkitan HIV baharu dalam kalangan pengguna dadah iaitu dari 55.2 peratus pada tahun 2009 kepada 29.5 peratus tahun lalu, kadar penurunan hampir 50 peratus dalam tempoh empat tahun.

“Perubahan yang amat positif ini berkait rapat dengan keberkesanan program Pengurangan Kemudaratan iaitu pertukaran jarum dan alat suntikan serta program terapi gantian methadone yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan sejak tahun 2006,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kerjasama Yayasan Sime Darby (YSD) dengan MAM bagi Pemerkasaan Advokasi HIV dan AIDS di sini pada Jumaat.

Turut hadir Anggota Majlis Tertinggi YSD Datin Paduka Zaitoon Othman.

Dr Raj berkata usaha bersepadu pelbagai pihak berwajib yang lain dan masyarakat sivil serta komuniti akar umbi juga mula menampakkan impak positif.

Beliau berkata prinsip saintifik Pengurangan Kemudaratan serta manfaatnya kepada individu, komuniti dan sosioekonomi negara difahami sekian lama namun pelaksanaannya amat bergantung kepada penerimaan pihak berwajib serta masyarakat yang terbabit.

“Penerimaan sesebuah masyarakat terhadap konsep pencegahan dan rawatan yang baharu mungkin mengambil masa yang lama, tetapi proses penerimaan itu dapat dimungkinkan dengan usaha advokasi yang strategik.

“MAM akan terus mempergiat usaha advokasi ini seperti program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV yang selaras dengan matlamat Pelan Strategik Nasional HIV dan AIDS 2011-2015,” katanya.

Sementara itu, pada majlis berkenaan YSD menyampaikan sumbangan berjumlah RM870,000 kepada MAM bagi membiayai kos operasi urus setia MAM dalam program Pemerkasaan Advokasi HIV dan AIDS.

Mok cek sumbangan itu disampaikan Zaitoon kepada Dr Raj dan akan diterima secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Zaitoon berharap sumbangan itu dapat membantu dan memberi dorongan kepada MAM untuk meneruskan usaha murni serta mencapai objektif mereka.

Beliau berkata sebelum ini, YSD turut menyumbang kepada beberapa badan bukan kerajaan termasuk Yayasan Chow Kit, Pertubuhan Pertolongan Wanita dan Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia. – Bernama